

Konvensyen PH bina momentum di sebalik hala tuju Rafizi, Nik Nazmi



Oleh Prof Madya Dr Mashitah Mohd Udin
bhrencana@bh.com.my

Pengarah Institut Kajian Politik Malaysia (MAPAN), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Apabila lebih 3,000 perwakilan daripada PKR, AMANAH dan DAP berhimpun dalam Konvensyen Pakatan Harapan (PH) 2026 di Persada Johor, Johor Bahru, esok mesej yang mahu dihantar ialah PH sedang memasuki satu fasa politik baharu lebih tersusun dan bersedia untuk terus memimpin negara dalam jangka panjang menjelang Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16).

Pemilihan Johor sebagai lokasi konvensyen adalah tepat kerana ia antara negeri paling strategik dalam menentukan masa depan politik nasional, khususnya dalam konteks kerjasama antara PH dan Barisan Nasional (BN) di bawah Kerajaan Perpaduan. Pada masa sama, Johor juga sedang muncul sebagai pusat pertumbuhan ekonomi baharu negara melalui pelbagai projek strategik seperti Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).

Lebih penting, konvensyen ini berlangsung ketika pelbagai pihak sedang cuba menggugat keyakinan rakyat terhadap Kerajaan Perpaduan melalui pelbagai naratif negatif, termasuk percubaan membina persepsi bahawa kerajaan semakin lemah serta usaha mewujudkan ketidakstabilan politik secara berterusan.

Hakikatnya, apabila Malaysia kembali mendapat perhatian pelabur antarabangsa, memperkukuh hubungan dengan kuasa besar dunia, memainkan peranan aktif dalam ASEAN dan BRICS+ serta mula menunjukkan kestabilan politik lebih meyakinkan, sudah tentu ada pihak tidak selesa melihat keadaan ini berterusan.

Hakikatnya, apabila Malaysia kembali mendapat perhatian pelabur antarabangsa, memperkukuh hubungan dengan kuasa besar dunia, memainkan peranan aktif dalam ASEAN dan BRICS+ serta mula menunjukkan kestabilan politik lebih meyakinkan, sudah tentu ada pihak tidak selesa melihat keadaan ini berterusan.

Dalam politik moden, pengaruh asing jarang bergerak secara terang-terangan. Ia sering hadir melalui pembentukan persepsi, manipulasi media sosial, operasi psikologi, tekanan geopolitik dan pembinaan naratif tertentu yang bertujuan melemahkan keyakinan rakyat terhadap institusi negara.

Sebab itu rakyat perlu lebih matang membezakan antara kritikan konstruktif dengan gerakan yang mahu mengekalkan politik tidak stabil demi kepentingan tertentu.

Di sinilah menonjolnya peranan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Pengerusi

PH. Dalam tempoh lebih tiga tahun menerajui Kerajaan MADANI, beliau bukan sahaja berjaya menstabilkan politik negara, bahkan mengembalikan semula keyakinan pelabur, memperkukuh hubungan diplomatik Malaysia dan memulihkan imej negara pada peringkat antarabangsa.

Kepemimpinan beliau berjaya membawa pendekatan politik lebih sederhana, inklusif dan diplomatik dalam suasana dunia semakin berpecah akibat persaingan kuasa besar global. Pada masa sama, beliau tetap meneruskan agenda reformasi yang menjadi asas perjuangan PH sejak dahulu walaupun berdepan tekanan politik sangat kompleks.

Keyakinan terhadap Malaysia semakin pulih

Realitinya, banyak indikator ekonomi negara menunjukkan keyakinan terhadap Malaysia semakin pulih di bawah Kerajaan Perpaduan. Menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Malaysia merekodkan jumlah pelaburan diluluskan RM426.7 bilion pada 2025, angka tertinggi dalam sejarah negara dan meningkat 11 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Pelaburan asing langsung (FDI) pula meningkat

“ Dalam politik moden, pengaruh asing jarang bergerak secara terang-terangan. Ia sering hadir melalui pembentukan persepsi, manipulasi media bergerak secara terang-terangan. Ia sering hadir melalui pembentukan persepsi, manipulasi media sosial, operasi psikologi, tekanan geopolitik dan pembinaan naratif tertentu yang bertujuan melemahkan keyakinan rakyat terhadap institusi negara ”

20.9 peratus kepada RM207.1 bilion, membuktikan keyakinan pelabur antarabangsa terhadap kestabilan politik dan hala tuju ekonomi negara semakin kukuh.

Pada masa sama, pada April 2026 Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menyemak naik unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar Malaysia kepada 4.7 peratus bagi tahun ini, meningkat 0.4 mata peratusan berbanding Januari 2026. Paling mutakhir, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh 5.4 peratus pada suku pertama 2026 mengatasi anggaran awal 5.3 peratus.

Kadar inflasi pula kekal rendah sekitar 1.1 peratus, antara paling stabil dalam rantau ini. Pasaran pekerjaan juga menunjukkan perkembangan positif apabila kadar pengangguran menurun kepada sekitar 3 peratus, manakala jumlah penganggur berkurang lebih 5 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Ini penting kerana selama bertahun-tahun rakyat dimomokkan reformasi ekonomi akan menyebabkan negara menjadi tidak stabil. Namun, di bawah Kerajaan MADANI, reformasi seperti penyasaran subsidi, pengukuhan disiplin fiskal dan pembaharuan tatakelola dilaksanakan secara lebih tersusun tanpa menyebabkan krisis ekonomi besar kepada rakyat.

Kerajaan turut memperkenalkan Akta Tanggungjawab Fiskal bagi memastikan pengurusan kewangan negara lebih telus dan berdisiplin. Defisit fiskal negara juga berjaya dikurangkan secara berperingkat daripada 6.4 peratus pada 2021 kepada 4.1 peratus (2024), dengan sasaran 3.8 peratus pada 2025.

Dalam aspek kebajikan rakyat pula, pelbagai langkah dilaksanakan termasuk kenaikan gaji minimum kepada RM1,700, pengukuhan skim perukis negara juga berjaya dikurangkan secara berperingkat daripada 6.4 peratus pada 2021 kepada 4.1 peratus (2024), dengan sasaran 3.8 peratus pada 2025.

Dalam aspek kebajikan rakyat pula, pelbagai langkah dilaksanakan termasuk kenaikan gaji minimum kepada RM1,700, pengukuhan skim perukis MADANI, bantuan bersasar dan usaha memperbaiki sistem subsidi supaya lebih adil serta tidak lagi terlalu menguntungkan golongan maha kaya atau warga asing.

Sementara itu, kemunculan pengumuman hala tuju politik baharu oleh Datuk Seri Rafizi Ramli dan Nik Nazmi Nik Ahmad pada hari sama dengan Konvensyen PH 2026 dijangka tidak akan berjaya menggugat momentum utama konvensyen berkenaan.

Fokus rakyat ketika ini jauh lebih tertumpu kepada persoalan kestabilan kerajaan, hala tuju ekonomi negara dan kemampuan sesebuah gabungan politik untuk terus mentadbir secara konsisten, bukannya kepada drama perebutan pengaruh individu.

Rafizi memang mempunyai kelompok penyokong tersendiri dan pernah memainkan peranan penting dalam PH sebelum ini. Namun, landskap politik Malaysia hari ini sudah berubah. Selepas bertahun-tahun rakyat melalui episod ketidakstabilan politik, kejatuhan kerajaan dan pertukaran Perdana Menteri yang terlalu kerap, sentimen majoriti rakyat kini lebih cenderung kepada kestabilan berbanding eksperimen politik baharu yang belum pasti arah tujunya.

Tambahan pula, Konvensyen PH 2026 membawa makna jauh lebih besar daripada mana-mana tokoh individu. Ia membabitkan masa depan Kerajaan Perpaduan, kesiapsiagaan menghadapi PRU16, agenda reformasi negara serta keyakinan pelabur dan rakyat terhadap kestabilan politik Malaysia.

Tegasnya, sebarang percubaan membina naratif kononnya PH sedang berpecah sukar mendapat sambutan kerana rakyat dapat melihat kerajaan hari ini masih stabil, ekonomi terus berkembang dan keyakinan pelabur terhadap Malaysia masih kukuh.

